



## Untung separuh tahun TH Plantations melonjak kepada RM52.6 juta

Oleh [Alzahrin Alias](#) - Ogos 28, 2024 @ 7:51pm

KUALA LUMPUR: TH Plantations Bhd (THP) merekodkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM52.6 juta pada separuh pertama 2024, meningkat sebanyak 62 peratus berbanding RM32.4 juta pada tempoh sama tahun lalu.

Lonjakan PBT untuk enam bulan pertama itu disumbangkan oleh pengeluaran buah tandan segar (BTS) yang lebih tinggi sebanyak 16 peratus, peningkatan jualan produk sawit (minyak sawit mentah (MSM) dan BTS) serta harga MSM yang lebih tinggi.

Keputusan kewangan yang memberangsangkan itu memberi keyakinan terhadap masa hadapan yang cerah untuk kejayaan Pelan Strategik 5 Tahunnya, AL-Falah 22/22.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan THP, Mohamed Zainurin Mohamed Zain, berkata prestasi kumpulan akan terus didorong oleh Pelan Strategik Lima Tahun.

Beliau berkata, pelbagai usaha untuk meningkatkan kecekapan operasi dan memperkukuh amalan agronomi yang baik di bawah AL-Falah 22/22 telah membuahkan hasil yang memberangsangkan.

"Berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu, keuntungan kasar meningkat sebanyak 90.6 peratus, kadar perahan minyak (OER) meningkat kepada 19.11 peratus daripada 19.05 peratus dan hasil BTS meningkat kepada 6.89 tan satu hektar daripada 5.89 tan satu hektar sebelum ini," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sementara itu, Pengerusi THP, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, berkata mekanisasi dan kecemerlangan dalam amalan agronomi adalah kecekapan teras bagi syarikat sawit.

Beliau berkata, perkara itu diberi penekanan serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui AL-Falah 22/22.

"Memandangkan PBT kumpulan untuk enam bulan tahun ini sebanyak RM52.6 juta menghampiri PBT pada tahun kewangan 2023 sebanyak RM60.1 juta.

"Kumpulan yakin bahawa prestasi untuk tahun kewangan 2024 akan kekal memuaskan, melainkan berlaku keadaan di luar jangkaan," katanya.